



## Penyata kewangan disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

## Kunci kira-kira pada 31 Disember 2025

<i>Dalam juta euro</i>	31 Disember 2025	31 Disember 2024
<b>ASET</b>		
Wang tunai dan baki dengan bank pusat	211,330	182,496
Instrumen kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian		
Sekuriti	321,293	267,357
Pinjaman dan perjanjian belian semula	254,310	225,699
Instrumen kewangan derivatif	274,625	322,631
Derivatif untuk tujuan perlindungan nilai	20,017	20,851
Aset kewangan pada nilai saksama melalui ekuiti		
Sekuriti hutang	77,940	71,430
Sekuriti ekuiti	1,420	1,610
Aset kewangan pada kos terlunas		
Pinjaman dan pendahuluan kepada institusi kredit	26,259	31,147
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	897,358	900,141
Sekuriti hutang	151,687	146,975
Pelarasan pengukuran semula ke atas portfolio terlindung nilai risiko kadar faedah	(2,335)	(758)
Pelaburan dan aset lain yang berkaitan dengan aktiviti insurans	305,471	286,849
Aset cukai terkini dan tertunda	5,746	6,215
Pendapatan terakru dan aset lain	167,788	174,147
Pelaburan kaedah ekuiti	6,950	7,862
Hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan	53,601	50,314
Aset tak ketara	4,583	4,392
Muhibah	7,133	5,550
Aset yang dipegang untuk jualan	7,805	-
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>2,792,981</b>	<b>2,704,908</b>
<b>LIABILITI</b>		
Deposit daripada bank pusat	4,401	3,366
Instrumen kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian		
Sekuriti	98,487	79,958
Deposit dan perjanjian belian balik	357,947	304,817
Sekuriti hutang yang diterbitkan dan hutang subordinat	129,279	104,934
Instrumen kewangan derivatif	252,726	301,953
Derivatif untuk tujuan perlindungan nilai	28,493	36,864
Liabiliti kewangan pada kos terlunas		
Deposit daripada institusi kredit	69,938	66,872
Deposit daripada pelanggan	1,075,564	1,034,857
Sekuriti hutang	173,933	198,119
Hutang subordinat	34,468	31,799
Pelarasan penilaian-semula ke atas portfolio terlindung nilai risiko kadar faedah	(9,811)	(10,696)
Liabiliti cukai terkini dan tertunda	3,336	3,657
Perbelanjaan terakru dan liabiliti lain	143,059	136,955
Liabiliti yang berkaitan dengan kontrak insurans	261,223	247,699
Liabiliti kewangan yang berkaitan dengan aktiviti insurans	21,500	19,807
Peruntukan untuk kontigensi dan caj	10,193	9,806
Liabiliti yang berkaitan dengan aset yang dipegang untuk jualan	6,072	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>2,660,808</b>	<b>2,570,767</b>
<b>EKUITI</b>		
<i>Modal saham, modal bayaran tambahan dan perolehan terkumpul</i>	<i>117,787</i>	<i>118,957</i>
<i>Pendapatan bersih bagi tempoh ini yang boleh diagih kepada pemegang saham</i>	<i>12,225</i>	<i>11,688</i>
<b>Jumlah modal, perolehan terkumpul dan pendapatan bersih bagi tempoh ini yang boleh diagih kepada pemegang saham</b>	<b>130,012</b>	<b>130,645</b>
Perubahan aset dan liabiliti yang diiktiraf terus dalam ekuiti	(4,499)	(2,508)
<b>Ekuiti pemegang saham</b>	<b>125,513</b>	<b>128,137</b>
<b>Kepentingan minoriti</b>	<b>6,660</b>	<b>6,004</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>132,173</b>	<b>134,141</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<b>2,792,981</b>	<b>2,704,908</b>

# Penyata kewangan disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

## Akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

<i>Dalam juta euro</i>	Tahun hingga 31 Disember 2025	Tahun hingga 31 Disember 2024
Pendapatan faedah	71,532	83,020
Perbelanjaan faedah	(50,329)	(63,496)
Pendapatan komisen	17,727	16,196
Perbelanjaan komisen	(6,022)	(5,495)
Untung bersih atas instrumen kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	11,283	11,569
Untung bersih atas instrumen kewangan pada nilai saksama melalui ekuiti	261	209
Untung bersih atas aset kewangan tidak diiktiraf pada kos terlunas	31	55
Pendapatan bersih daripada aktiviti insurans	2,383	2,396
<i>bagi hasil Insurans</i>	10,270	9,711
<i>Perbelanjaan perkhidmatan insurans</i>	(8,101)	(7,502)
<i>Pulangan pelaburan</i>	11,896	11,554
<i>Pendapatan bersih atau perbelanjaan kewangan daripada kontrak insurans</i>	(11,682)	(11,367)
Pendapatan daripada lain-lain aktiviti	22,362	21,922
Perbelanjaan daripada lain-lain aktiviti	(18,005)	(17,545)
<b>PENDAPATAN</b>	<b>51,223</b>	<b>48,831</b>
Perbelanjaan operasi	(29,003)	(27,803)
Susut nilai, pelunasan dan kerosakan hartanah, kilang dan peralatan dan aset tak ketara	(2,371)	(2,390)
<b>PENDAPATAN OPERASI KASAR</b>	<b>19,849</b>	<b>18,638</b>
Kos risiko	(3,350)	(2,999)
Kerugian bersih lain untuk risiko ke atas instrumen kewangan	(203)	(202)
<b>PENDAPATAN OPERASI</b>	<b>16,296</b>	<b>15,437</b>
Bahagian keuntungan entiti kaedah ekuiti	777	701
Keuntungan/kerugian bersih daripada aset bukan semasa	(56)	(191)
Muhibah	48	241
<b>PENDAPATAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>17,065</b>	<b>16,188</b>
Cukai pendapatan korporat	(4,207)	(4,001)
<b>PENDAPATAN BERSIH</b>	<b>12,858</b>	<b>12,187</b>
Pendapatan bersih yang boleh diagih kepada kepentingan minoriti	633	499
<b>PENDAPATAN BERSIH YANG BOLEH DIATRIBUSIKAN KEPADA PEMEGANG EKUITI</b>	<b>12,225</b>	<b>11,688</b>
Perolehan asas sesaham	10.29	9.57
Perolehan cair sesaham	10.29	9.57

## Lembaga Pengarah

### Pengerusi

Jean LEMIERRE

Jean-Laurent BONNAFÉ  
Jacques ASCHENBROICH  
Juliette BRISAC  
Valérie CHORT  
Monique COHEN  
Hugues EPAILLARD

Marion GUILLOU  
Vanessa LEPOULTIER  
Lieve LOGGHE  
Marie-Christine LOMBARD  
Bertrand de MAZIÈRES  
Christian NOYER

Nicolas PETER  
Guillaume POUPARD  
Daniela SCHWARZER  
Annemarie STRAATHOF  
Michel TILMANT

## Nisbah Kawal Selia

### Perubahan dalam kesolvenan Kumpulan

Kumpulan mempunyai struktur kewangan yang kukuh. Nisbah CET1 berada pada paras 12.6% <sup>(1)</sup> setakat 31 Disember 2025, menyusut sebanyak 30 mata asas berbanding 31 Disember 2024, terutamanya melibatkan:

- Penjana modal organik (+140 mata asas): penyepaduan keputusan tahun 2025 dan pertumbuhan organik bersih daripada pengoptimuman aset berwajaran risiko yang dikaitkan dengan pelaksanaan program penssekuritan dan insurans kredit;
- Nisbah pembayaran sebanyak 60% yang dilaksanakan bagi pendapatan bersih tahun 2025 (- 90 mata asas);
- Kesan perimeter, terutamanya pemerolehan AXA IM yang disatukan sejak 1 Julai 2025 (- 40 mata asas);
- Pelaksanaan peraturan CRR3 sejak 1 Januari 2025 (- 40 mata asas secara berperingkat) tidak termasuk kesan daripada Semakan Asas Buku Dagangan (FRTB) yang terpakai setakat 1 Januari 2027.

Nisbah CET1 Kumpulan adalah lebih tinggi daripada keperluan pada 31 Disember 2025 iaitu sebanyak 10.52%.

Nisbah leveraj berada pada paras 4.5% setakat 31 Disember 2025, menyusut 10 mata asas berbanding 31 Disember 2024, didorong oleh peningkatan pendedahan leveraj. Ia adalah jauh lebih tinggi daripada keperluan kawal selia bagi nisbah leveraj sebanyak 3.85% yang berkuat kuasa setakat 31 Disember 2025.

Setakat 31 Disember 2025, nisbah TLAC dan MREL Kumpulan adalah melebihi keperluan minimum (sila rujuk bahagian TLAC dan MREL dalam seksyen 5.2 *Pengurusan modal dan kecukupan modal*).

Evolusi nisbah-nisbah ini menggambarkan keupayaan Kumpulan untuk terus menyesuaikan diri serta kekuatan kunci kira-kiranya.

### Nisbah kawal selia utama

Mulai 1 Januari 2025, Peraturan CRR menyediakan peruntukan baharu bagi pengiraan keperluan modal. Kesan utama peraturan ini adalah pengenalan keperluan berhemat (prudential requirements) baharu bagi bank-bank Eropah, dengan penggunaan meluas model pemberat risiko piawai, berbanding model dalaman yang mana skop aplikasinya telah dihadkan dan tertakluk kepada pemakaian lantai input (input floor). Ini juga disertai dengan penetapan lantai output (output floor) yang menetapkan had bawah bagi keperluan modal yang ditentukan mengikut model dalaman bank.

Had ini ditetapkan, pada masa hadapan (pada 2030), pada kadar 72.5% daripada keperluan modal yang akan terpakai berdasarkan risiko yang dikira mengikut pendekatan piawai, dan dengan itu mewakili keperluan minimum baharu bagi bank-bank Eropah. Had ini dilaksanakan secara berperingkat (phased-in) sepanjang tempoh peralihan, dengan lantai ditetapkan pada 50% dalam tahun 2025.

Secara amnya, perubahan kawal selia ini mengakibatkan peningkatan dalam jumlah aset berwajaran risiko, terutamanya disebabkan oleh risiko operasi, yang kini tertakluk kepada pemakaian kaedah piawai tunggal.

Unsur-unsur yang diterbitkan dibentangkan selepas pemakaian langkah-langkah peralihan ("secara berperingkat"), melainkan dinyatakan sebaliknya. Untuk memudahkan rujukan, sebutan "(Secara berperingkat)" juga dinyatakan dalam tajuk bahagian yang berkaitan.

Selain daripada penentuan lantai output, langkah-langkah peralihan berkaitan pelbagai parameter pengiraan terutamanya merangkumi:

- Peruntukan Perkara 495 Peraturan CRR, iaitu:
  - Pengiktirafan lantai input Kerugian Diberi Lalai (Loss Given Default - LGD) khusus bagi pendedahan pinjaman khusus yang dikendalikan di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman;
  - Pelaksanaan pemberat risiko 80% ke atas pendedahan pinjaman khusus bagi pembiayaan objek;
  - Penambahan faktor bagi menentukan pendedahan semasa lalai (exposure at default) untuk komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat;
- Peruntukan Perkara 465 Peraturan CRR, iaitu:
  - Pelaksanaan pemberat risiko 65% terhadap pendedahan korporat yang tidak mempunyai penilaian kredit oleh Institusi Penilaian Kredit Luar (ECAI) yang ditetapkan dan dengan syarat anggaran kebarangkalian lalai (PD) penghutang ini tidak melebihi 0.5%;
  - Pelaksanaan pemberat risiko 10% terhadap bahagian pendedahan yang dicagarkan oleh gadai janji hartanah kediaman, sehingga 55% daripada nilai hartanah, dan 45% kepada mana-mana bahagian pendedahan yang berbaki, sehingga 80% daripada nilai hartanah;
  - Pelaksanaan faktor "p" yang dikurangkan kepada kedudukan penssekuritan yang diperuntukkan di bawah pendekatan SEC-IRBA atau Pendekatan Penilaian Dalaman;
  - Penggantian faktor "alfa" dengan 1 dalam pengiraan pendedahan semasa lalai di bawah pendekatan SA-CCR <sup>(2)</sup>.

Selaras dengan Peraturan (EU) No 2024/3172, penerbitan jadual EU KM1 berubah mengikut piawai teknikal pelaksanaan EBA (EBA/ITS/2024/06). Ini kini merangkumi keperluan baharu Peraturan CRR, mengikut kemasukan nisbah modal yang dikira dengan atau tanpa mengambil kira kesan lantai output.

(1) Termasuk aturan peralihan seperti yang ditakrifkan dalam perkara 465, 468 dan 495 Peraturan CRR.

(2) Pendekatan Terpiawai bagi Risiko Kredit Rakan Niaga.

# Penyata keuangan disatukan bagi tahun berakhir 31 Desember 2025

## Nisbah Modal

### NISBAH MODAL

<i>Dalam juta euro</i>	31 Desember 2025	31 Desember 2024
Modal Ekuiti Bersama Peringkat 1 (CET1)	98,265	98,128
Modal Peringkat 1	114,882	113,768
Jumlah modal	132,274	130,581
<b>ASET BERWAJARAN RISIKO</b>	<b>779,490</b>	<b>762,247</b>
<b>NISBAH MODAL (sebagai peratusan aset berwajaran risiko)</b>		
Nisbah Ekuiti Bersama Peringkat 1	12.61%	12.87%
Nisbah Peringkat 1	14.74%	14.93%
Jumlah nisbah modal	16.97%	17.13%

### NISBAH MREL & TLAC

<i>Dalam juta euro</i>	MREL		TLAC	
	31 Desember 2025	31 Desember 2024	31 Desember 2025	31 Desember 2024
<b>Dana sendiri dan liabiliti, nisbah dan komponen yang layak</b>				
Jumlah modal dan liabiliti lain yang layak	225,733	231,690	204,345	280,042
<i>laitu dana milik sendiri dan liabiliti yang disubordinatkan</i>	204,345	208,042	-	-
Aset berwajaran risiko	779,490	762,247	779,490	762,247
<b>DANA SENDIRI DAN NISBAH LIABILITI YANG LAYAK (dalam peratusan aset berwajaran risiko)</b>	<b>28.96%</b>	<b>30.40%</b>	<b>26.22%</b>	<b>27.29%</b>
<i>laitu dana milik sendiri dan liabiliti yang disubordinatkan</i>	26.22%	27.29%	-	-
Jumlah pendedahan nisbah keumpulan	2,565,819	2,464,334	2,565,819	2,464,334
<b>DANA SENDIRI DAN NISBAH LIABILITI YANG LAYAK (dalam peratus nisbah keumpulan bagi jumlah ukuran pendedahan)</b>	<b>8.80%</b>	<b>9.40%</b>	<b>7.96%</b>	<b>8.44%</b>

## Laporan penyata kewangan disatukan oleh Juruaudit Berkanun

### Untuk tahun berakhir 31 Disember 2025

*Ini merupakan terjemahan bahasa Inggeris untuk laporan juruaudit berkanun mengenai penyata kewangan disatukan Syarikat yang dikeluarkan dalam bahasa Perancis dan disediakan semata-mata untuk kemudahan pengguna berbahasa Inggeris.*

*Laporan juruaudit berkanun ini termasuk maklumat yang diperlukan oleh peraturan Eropah dan undang-undang Perancis, seperti maklumat berkenaan pelantikan juruaudit berkanun atau pengesahan maklumat berkenaan Kumpulan yang dibentangkan dalam laporan pengurusan dan dokumen lain yang diberikan kepada pemegang saham.*

*Laporan ini seharusnya dibaca bersama dan ditafsirkan mengikut undang-undang Perancis dan piawaian audit profesional yang digunakan di Perancis.*

Kepada Mesyuarat Agung Tahunan BNP Paribas,

### Pendapat

Dengan mematuhi penglibatan yang dipertanggungjawabkan kepada kami oleh Mesyuarat Agung Tahunan anda, kami telah mengaudit penyata kewangan disatukan BNP Paribas SA yang dilampirkan untuk tahun berakhir 31 Disember 2025.

Pada pendapat kami, penyata kewangan disatukan ini memberikan pandangan yang betul dan saksama terhadap aset dan liabiliti dan kedudukan kewangan Kumpulan ini pada 31 Disember 2025 serta hasil operasi tahun tersebut yang kemudiannya tamat mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa yang digunakan oleh Kesatuan Eropah.

Pendapat audit yang dinyatakan di atas adalah konsisten dengan laporan kami kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan.

### Asas pendapat

#### Rangka kerja audit

Kami melaksanakan audit kami dengan mengikut piawaian profesional yang berkenaan di Perancis. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar dijadikan asas bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dinyatakan dengan lebih lanjut dalam Tanggungjawab Juruaudit Berkanun untuk audit bahagian penyata kewangan disatukan dalam laporan kami.

### Kebebasan

Kami melaksanakan penglibatan audit kami dengan mematuhi keperluan kebebasan Tatalaku Komersial Perancis (Code de commerce) dan Tatalaku Etika Perancis (Code de déontologie de la profession de commissaire aux comptes) untuk Juruaudit Berkanun dalam tempoh mulai 1 Januari 2025 hingga tarikh laporan kami disediakan, dan secara khususnya, kami tidak memberikan sebarang perkhidmatan bukan audit yang dilarang dalam artikel 5 (1) Peraturan (EU) No. 537/2014.

### Justifikasi taksiran – Kepentingan audit utama

Selaras dengan keperluan Artikel L. 821-53 dan R. 821-180 Tatalaku Komersial Perancis (Code de commerce) yang berkaitan dengan justifikasi taksiran kami, kami memberitahu anda tentang perkara audit utama yang berkaitan dengan risiko salah nyata material yang, menurut pertimbangan profesional kami, merupakan perkara paling penting dalam audit kami ke atas penyata kewangan disatukan bagi tempoh semasa, serta cara kami menangani risiko tersebut.

Perkara-perkara ini telah dikendalikan dalam konteks pengauditan kami ke atas penyata kewangan disatukan secara menyeluruh dan dalam membentuk pendapat kami mengenainya. Kami tidak memberi pendapat yang berasingan terhadap item tertentu dalam penyata kewangan disatukan ini.

# Penyata kewangan disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

## **Penilaian risiko kredit dan pengukuran kerugian rosot nilai (tahap 1, 2 dan 3) pada portfolio pinjaman pelanggan**

*(Sila rujuk Nota 1.f.5, 1.f.6, 1.p, 2.g, 4.e, 4.f, 4.n dan 6.a penyata kewangan disatukan)*

### **Risiko dikenal pasti**

BNP Paribas mencatatkan rosot nilai untuk menampung risiko kredit yang wujud dalam aktiviti nya.

Setakat 31 Disember 2025, pinjaman dan belum terima kepada pelanggan berjumlah 913.3 bilion euro, manakala komitmen pembiayaan dan jaminan yang diberikan kepada pelanggan masing-masing berjumlah 389.8 dan 132.9 bilion euro.

Kemerosotan nilai ke atas pinjaman dan belum terima daripada pelanggan berjumlah 15.9 bilion euro dan peruntukan bagi komitmen yang diberikan berjumlah 1.0 bilion euro.

Dalam persekitaran ketidakpastian yang berterusan yang ditandai oleh ketegangan perdagangan dan geopolitik, penilaian jangkaan kerugian kredit ke atas portfolio pinjaman pelanggan memerlukan pertimbangan yang tinggi serta penggunaan andaian daripada pihak pengurusan BNP Paribas, terutamanya untuk:

- Menilai peningkatan ketara dalam risiko kredit bagi mengelaskan pendedahan kepada tahap 1, tahap 2, atau tahap 3, terutamanya berdasarkan kriteria yang melibatkan pertimbangan pakar seperti pengenalpastian pendedahan mungkir;
- Membangunkan ramalan makroekonomi yang disepadukan ke dalam kedua-dua kriteria kemerosotan dan pengukuran jangkaan kerugian kredit;
- Menganggar jangkaan kerugian kredit bagi pendedahan tahap 1 dan 2. Secara khususnya, jangkaan kerugian kredit ini merangkumi, seperti yang dinyatakan dalam nota 2.g penyata kewangan disatukan ini, aspek jangkaan yang tidak dicakupi oleh model dalam pendekatan generik;
- Bagi pendedahan korporat, menganggar jangkaan kerugian kredit ke atas belum terima tahap 3, yang mana anggaran pemulihan mungkin bergantung kepada pemberat senario yang berbeza.

Peningkatan risiko kredit, pengenalpastian pendedahan mungkir dan pengukuran kemerosotan nilai serta peruntukan berkaitan merupakan perkara penting dalam audit, memandangkan item-item ini melibatkan pertimbangan dan anggaran pengurusan dalam persekitaran yang ditandai oleh ketidakpastian yang dinyatakan di atas.

### **Respon kami**

Kami telah memperoleh pemahaman tentang sistem kawalan dalaman BNP Paribas dan menguji kawalan manual atau automatik utama yang berkaitan dengan peningkatan risiko kredit dan pengukuran jangkaan kerugian kredit.

Kerja kami tertumpu terutamanya pada proses-proses berikut:

- Pengelasan pendedahan mengikut tahap: kami meneliti kaedah yang digunakan oleh pelbagai barisan perniagaan untuk mengenal pasti peningkatan ketara risiko kredit dan pendedahan mungkir serta rawatan perakaunan yang berkaitan;
- Penilaian jangkaan kerugian kredit (tahap 1, 2, dan 3):
  - Kami menyemak tadbir urus yang ditubuhkan untuk memantau penilaian jangkaan kerugian kredit bagi pendedahan yang dikelaskan sebagai tahap 1, 2, dan 3,
  - Bagi jangkaan kerugian kredit ke atas pendedahan yang dikelaskan dalam tahap 1 dan 2, kami menyemak proses kelulusan dan semakan berkala terhadap model dan metodologi yang digunakan untuk melaksanakan ramalan makroekonomi;
- Kami juga menguji kawalan aplikasi utama yang berkaitan dengan pemindahan data yang digunakan untuk pengiraan jangkaan kerugian kredit dan penyesuaian perakaunan.

Bersama-sama dengan pakar risiko kredit kami dan berdasarkan sampel:

- Kami menilai andaian ramalan makroekonomi yang digunakan setakat 31 Disember 2025;
- Kami menilai parameter utama yang digunakan untuk pengiraan jangkaan kerugian kredit ke atas pendedahan yang dikelaskan dalam tahap 1 dan 2, terutamanya berdasarkan kesimpulan daripada semakan model berkala bank. Kami juga menilai keputusan analisis bank yang bertujuan untuk mengenal pasti dan mengukur sebarang pelarasan tambahan;
- kami menilai andaian dan data yang digunakan untuk menganggar kemerosotan nilai pendedahan kredit korporat yang dikelaskan dalam tahap 3.

Kami juga menyemak pendedahan risiko kredit dalam nota penyata kewangan disatukan ini, terutamanya maklumat yang diperlukan oleh IFRS 9 dan IFRS 7.

# Penyata kewangan disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

## **Penilaian instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai tahap 2 dan 3 dalam hierarki nilai saksama**

*(Lihat Nota 1.f.7, 1.f.10, 1.p, 2.c, 4.a dan 4.d di penyata kewangan disatukan)*

### **Risiko yang dikenal pasti**

Sebagai sebahagian daripada aktiviti pasarannya, BNP Paribas memegang instrumen kewangan yang diukur pada nilai pasaran dalam kunci kira-kira.

Nilai pasaran ditentukan melalui pendekatan yang berbeza, bergantung pada jenis instrumen dan kerumitannya: (i) menggunakan harga dalam sebut harga yang boleh diperhatikan secara langsung (instrumen yang diklasifikasikan sebagai tahap 1 dalam hierarki nilai saksama), (ii) menggunakan model penilaian yang input utamanya boleh diperhatikan (instrumen diklasifikasikan sebagai tahap 2), dan (iii) menggunakan model penilaian yang input utamanya tidak boleh diperhatikan (instrumen diklasifikasikan sebagai tahap 3).

Instrumen kewangan tahap 2 dan tahap 3 berjumlah 610.5 bilion euro pada bahagian aset dan 768.7 bilion euro pada bahagian liabiliti kunci kira-kira disatukan kumpulan setakat 31 Disember 2025.

Nilai pasaran mungkin termasuk pelarasan penilaian untuk mengambil kira risiko model khusus, kecairan, atau risiko kredit rakan niaga.

Bagi instrumen yang dikelaskan sebagai tahap 3, teknik penilaian yang digunakan oleh pihak pengurusan mungkin melibatkan pertimbangan dan anggaran yang ketara dari segi pilihan model penilaian dan parameter yang digunakan, yang mana sesetengahnya tidak boleh diperhatikan di pasaran. Situasi ini boleh membawa kepada pengiktirafan tertanggung bagi margin ke atas operasi berkaitan, seperti yang dinyatakan dalam nota 1.f.10 penyata kewangan disatukan ini.

Memandangkan kematangan pendedahan, kerumitan pemodelan dalam menentukan nilai pasaran, kepelbagaian model yang digunakan, dan pertimbangan pihak pengurusan yang digunakan dalam menganggar nilai pasaran, kami menganggap penilaian instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai tahap 2 dan 3 dalam hierarki nilai saksama sebagai satu kepentingan audit yang utama.

### **Respon kami**

Kami telah memperoleh pemahaman tentang sistem kawalan dalaman BNP Paribas berkaitan dengan penilaian instrumen kewangan dan telah melaksanakan ujian, berdasarkan sampel, ke atas pemilihan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai tahap 2 dan 3 dalam hierarki nilai saksama.

Bersama-sama dengan pakar penilaian instrumen kewangan kami, kerja kami tertumpu terutamanya kepada:

- Memperoleh pemahaman tentang tadbir urus yang dilaksanakan oleh kumpulan untuk memantau proses penilaian instrumen kewangan, khususnya proses kelulusan dan semakan berkala oleh jabatan risiko terhadap model-model penilaian;
- Meneliti proses yang dilaksanakan oleh kumpulan untuk menentukan dan mengawal pelarasan penilaian serta menetapkan peraturan keteramatan (observability) parameter.

Berdasarkan sampel, kami juga:

- Menganalisis kerelevanan andaian dan parameter yang digunakan untuk penilaian;
- Menyemak keputusan dan metodologi semakan bebas parameter bagi pasaran kumpulan;
- Melaksanakan penilaian semula bebas menggunakan model kami sendiri, jika perlu;
- Menilai pengiktirafan margin tertunda.

Kami juga menganalisis, berdasarkan sampel, sebarang perbezaan antara penilaian dengan panggilan cagaran yang diterima daripada rakan niaga.

Kami menyemak maklumat yang berkaitan dengan penilaian instrumen kewangan yang didedahkan dalam penyata kewangan disatukan ini, terutamanya yang diperlukan oleh IFRS 13.

## Kawalan Am IT ke atas proses penutupan penyata kewangan

### **Risiko yang dikenal pasti**

Pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan anda melibatkan tahap kerumitan yang tinggi disebabkan oleh volum transaksi dan penggunaan pelbagai sistem maklumat antara muka. Kebolehpercayaan proses pengurusan sistem maklumat dan keselamatannya merupakan elemen utama dalam persediaan proses penutupan penyata kewangan.

Risiko salah nyata yang jelas pada akaun disatukan disebabkan oleh insiden dalam rangkaian IT mungkin berpunca daripada:

- Hak akses yang tidak sesuai kepada aplikasi IT dan tahap kebenaran berdasarkan profil pekerja;
- Perubahan yang tidak sesuai pada konfigurasi aplikasi IT atau data asasnya;
- Gangguan perkhidmatan atau insiden operasi IT.

Penilaian Kawalan Am IT yang berkaitan dengan proses penutupan penyata kewangan merupakan satu kepentingan audit utama.

### **Respon kami**

Kami telah mengenal pasti sistem IT utama yang digunakan dalam proses penutupan penyata kewangan. Bersama-sama dengan pasukan pakar IT kami, kami telah menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi Kawalan Am IT bagi aplikasi IT yang kami anggap penting.

Bagi aplikasi IT utama ini, kerja kami tertumpu terutamanya pada aspek-aspek berikut:

- Menyemak kawalan berkaitan hak akses, dengan tumpuan khusus kepada akses istimewa (privileged access), termasuk kebenaran untuk merekod entri jurnal manual;
- Menganalisis pengurusan perubahan sepanjang tahun yang berakhir pada 31 Disember 2025;
- Menganalisis pengurusan operasi IT.

Sekiranya terdapat pengecualian yang dikenal pasti sepanjang tahun, kami telah melaksanakan prosedur tambahan untuk menilai potensi impaknya terhadap maklumat perakaunan dan kewangan.

# Penyata kewangan disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

## **Penilaian liabiliti kontrak insurans dalam perniagaan “Simpanan persaraan”**

(Lihat Nota 1.g, 1p dan 5 penyata kewangan disatukan)

### **Risiko yang dikenal pasti**

Setakat 31 Disember 2025, kumpulan mencatatkan liabiliti insurans yang berkaitan dengan kontrak insurans “simpanan dan persaraan” sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 5 penyata kewangan disatukan. Kontrak penyertaan berjumlah 254.6 bilion euro, sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 5.e.4 penyata kewangan disatukan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam nota 1.g.2 penyata kewangan disatukan, kumpulan telah mentaksir kelayakan kumpulan kontrak insurans untuk model penilaian perakaunan yang ditakrifkan oleh IFRS 17. Oleh itu, kumpulan menganggap bahawa liabiliti yang berkaitan dengan kontrak insurans “simpanan dan persaraan” sepadan dengan kontrak insurans penyertaan langsung dan dinilai secara khusus mengikut model perakaunan “yuran berubah”.

Penilaian liabiliti insurans di bawah model perakaunan ini melibatkan penentuan anggaran terbaik bagi nilai semasa aliran tunai yang perlu dibayar atau yang akan diterima untuk memenuhi kewajipan berkontrak kepada pemegang polisi, iaitu pelarasan risiko bukan kewangan berdasarkan tahap keyakinan yang dipilih oleh kumpulan dan margin perkhidmatan berkontrak yang mewakili keuntungan belum diperolehi untuk diiktiraf sebagai perkhidmatan yang diberikan.

Penilaian liabiliti insurans yang menggunakan metodologi yuran berubah ini bergantung pada model aktuari yang rumit, menggunakan data dan andaian yang berkaitan dengan tempoh masa depan, terutamanya penentuan kadar diskaun, undang-undang tingkah laku pemegang polisi, keputusan pengurusan masa depan dan definisi andaian dunia nyata untuk pulangan aset kewangan yang digunakan untuk pelepasan margin perkhidmatan berkontrak kepada pendapatan. Evolusi dan kemas kini parameter yang dipilih mungkin mempengaruhi amaun liabiliti insurans dalam perimeter Hayat/Simpanan secara signifikan.

Memandangkan komitmen jangka panjang yang berkaitan dengan kontrak insurans “simpanan dan persaraan”, sensitiviti terhadap persekitaran ekonomi dan kewangan yang ketara yang boleh memberi kesan kepada tingkah laku pemegang polisi, dan pertimbangan signifikan pihak pengurusan dalam memilih data dan andaian serta penggunaan teknik pemodelan yang rumit untuk mencerminkan anggaran keadaan masa depan yang paling berkemungkinan, kami menganggap penilaian liabiliti kontrak insurans dalam perniagaan “simpanan dan persaraan” sebagai kepentingan audit utama.

### **Respon kami**

Dengan sokongan pakar pemodelan aktuari kami dan pasukan khusus IT kami, kami melaksanakan prosedur audit berikut:

- Mentaksir kelayakan kontrak insurans “simpanan dan persaraan” untuk model penilaian perakaunan “yuran berubah” dan menilai penggunaan kaedah penilaian yang betul oleh pihak pengurusan untuk kontrak insurans “simpanan dan persaraan” bagi mematuhi peruntukan IFRS 17;
- Memperoleh pemahaman tentang proses dan metodologi yang ditetapkan oleh pihak pengurusan kumpulan untuk menentukan, mengikut prinsip IFRS 17, anggaran terbaik bagi nilai kini aliran tunai masa hadapan yang diperlukan untuk memenuhi obligasi kontraktual terhadap pemegang polisi kontrak insurans “simpanan dan persaraan”;
- Melaksanakan ujian prosedur ke atas persekitaran kawalan dalaman sistem maklumat yang terlibat dalam pemrosesan data, dalam menetapkan anggaran, dan dalam pengiraan aktuari berkaitan penilaian komitmen kontrak insurans “simpanan dan persaraan”;
- Menilai dan menguji kawalan utama yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Dalam konteks ini, kami menilai secara khusus sistem kawalan yang berkaitan dengan metodologi, pertimbangan, dan andaian utama yang dibuat oleh pihak pengurusan, serta yang berkaitan dengan tadbir urus dan kawalan ke atas proses serta pengesahan model aktuari untuk mengunjurkan aliran tunai masa hadapan terdiskaun yang diguna pakai untuk komitmen kontrak insurans “simpanan dan persaraan”. Kami menilai sebarang perubahan andaian, parameter, atau pemodelan proses aktuari yang memberi impak kepada anggaran aliran tunai masa hadapan dan pelaksanaannya dalam alatan aktuari;
- Menguji sampel metodologi utama, andaian utama, dan parameter aktuari yang digunakan dalam menentukan anggaran aliran tunai masa hadapan terdiskaun, pelarasan risiko bukan kewangan, dan margin perkhidmatan kontraktual. Kami menilai kemunasabahan anggaran ini berdasarkan asas sampel;
- Menguji sampel kebolehpercayaan data asas yang digunakan dalam model unjuran dan pengiraan anggaran terbaik aliran tunai masa hadapan terdiskaun;
- Melaksanakan pengiraan anggaran terbaik aliran tunai secara bebas berdasarkan asas sampel untuk liabiliti insurans simpanan dan persaraan;
- Melaksanakan prosedur analitikal ke atas perubahan untuk mengenal pasti sebarang ketidakkonsistenan yang ketara atau variasi yang tidak dijangka;
- Menilai kesesuaian pendedahan yang berkaitan dalam nota penyata kewangan disatukan.

## **Pengesahan spesifik**

Kami juga telah melaksanakan pengesahan khusus yang diperlukan oleh undang-undang dan peraturan maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan yang disediakan dalam laporan pengurusan Lembaga Pengarah mengikut piawaian profesional yang digunakan di Perancis.

Kami tidak mempunyai apa-apa perkara untuk dilaporkan tentang pembentangan saksama dan kekonsistennya dengan penyata kewangan disatukan.

## **Laporan keperluan undang-undang dan peraturan lain**

### ***Format penyediaan penyata kewangan disatukan yang disertakan dalam laporan kewangan tahunan***

Selaras dengan piawaian profesional yang digunakan di Perancis yang berkaitan dengan prosedur yang dilaksanakan oleh juruaudit berkanun berkenaan penyata kewangan disatukan tahunan yang dinyatakan dalam format elektronik tunggal Eropah, kami juga telah mengesahkan bahawa penyediaan penyata kewangan disatukan yang disertakan dalam laporan kewangan tahunan yang disebut dalam Perkara L. 451-1-2, I Tatalaku Monetari dan Kewangan Perancis (Code monétaire et financier) dan disediakan di bawah tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif, mematuhi format elektronik tunggal yang ditakrifkan dalam Peraturan Perwakilan Suruhanjaya (EU) No. 2019/815 pada 17 Disember 2018. Berkenaan penyata kewangan disatukan, kerja kami termasuk mengesahkan bahawa penandaan yang terdapat di sini mematuhi format yang ditakrifkan dalam peraturan yang dinyatakan di atas.

Berdasarkan kerja kami, kami membuat kesimpulan bahawa penyediaan penyata kewangan disatukan yang disertakan dalam laporan kewangan tahunan ini secara materialnya mematuhi format elektronik tunggal Eropah.

### ***Pelantikan Juruaudit Berkanun***

Kami telah dilantik sebagai juruaudit berkanun BNP Paribas oleh mesyuarat agung tahunan yang diadakan pada 23 Mei 2006 untuk Deloitte & Associés dan pada 14 Mei 2024 untuk ERNST & YOUNG et Autres.

Setakat 31 Disember 2025, Deloitte & Associés telah berada dalam tahun kedua puluh bagi keseluruhan tempoh pelantikan tanpa gangguan, manakala ERNST & YOUNG et Autres masing-masing berada dalam tahun kedua.

## **Tanggungjawab pengurusan dan mereka yang dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran penyata kewangan disatukan**

Pihak Pengurusan bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan disatukan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa sebagaimana yang digunakan oleh Kesatuan Eropah dan bagi tujuan kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Pengurusan perlu dilakukan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan disatukan yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara-perkara tentang usaha berterusan sebagaimana berkenaan apa-apa perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan, serta menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika ia menjangka untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasi.

Jawatankuasa Penyata Kewangan bertanggungjawab untuk memantau proses pelaporan kewangan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko serta audit dalaman berkenaan prosedur perakaunan dan pelaporan kewangan sebagaimana berkenaan.

Penyata kewangan disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah BNP Paribas SA.

## Tanggungjawab Juruaudit Berkanun untuk audit mengaudit penyata kewangan disatukan

### *Objektif dan pendekatan audit*

Peranan kami adalah untuk menerbitkan laporan tentang penyata kewangan disatukan. Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan munasabah tentang sama ada penyata kewangan disatukan secara keseluruhannya bebas daripada salah nyata material. Jaminan munasabah ialah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dilakukan mengikut piawaian profesional, dapat mengesan salah nyata material, jika ada. Salah nyata boleh terjadi akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna secara munasabah, berdasarkan penyata kewangan disatukan ini.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Artikel L. 821-55 Tatalaku Komersial Perancis (Code de commerce), audit berkanun kami tidak termasuk jaminan terhadap daya maju Syarikat atau mutu pengurusan hal ehwal Syarikat.

Sebagai sebahagian daripada audit yang dilaksanakan mengikut piawaian profesional yang digunakan di Perancis, juruaudit berkanun melaksanakan pertimbangan profesional sepanjang pengauditan dan seterusnya:

- Mengenal pasti dan mentaksir risiko salah nyata material penyata kewangan disatukan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, serta mendapatkan bukti audit yang dianggap mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas kepada pendapat mereka. Risiko tidak mengesan salah nyata material yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding salah nyata material yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabaian yang disengajakan, salah nyata, atau penggantian kawalan dalaman;
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang relevan dengan audit untuk membentuk prosedur audit yang wajar dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman;
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan serta pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak Pengurusan dalam penyata kewangan disatukan;
- Mentaksir kewajaran penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak Pengurusan dan sama ada wujudnya ketidakpastian material berkaitan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan signifikan terhadap kebolehan Syarikat untuk meneruskan usaha berterusan berdasarkan bukti audit yang diperoleh. Taksiran ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan audit. Namun begitu, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Syarikat berhenti meneruskan usaha sebagai usaha berterusan. Jika Juruaudit Berkanun membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, mereka perlu menyorot pendedahan yang berkenaan dalam laporan audit penyata kewangan disatukan atau mengubah pendapat yang dinyatakan dalamnya jika pendedahan sebegitu tidak disediakan atau tidak mencukupi;
- Menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan disatukan dan mentaksir sama ada penyata ini mewakili transaksi dan peristiwa di dalamnya yang mencapai pembentangan saksama;
- Mendapatkan bukti audit yang diperlukan dan mencukupi berkenaan maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat terhadap penyata kewangan disatukan. Juruaudit Berkanun bertanggungjawab terhadap pengurusan, penyeliaan dan prestasi audit penyata kewangan disatukan dan terhadap pendapat yang dinyatakan dalam penyata kewangan disatukan ini.

# Penyata kewangan disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

## Laporan kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan

Kami menyerahkan laporan kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan yang secara khususnya merangkumi perihalan skop audit dan program audit yang dilaksanakan serta keputusan audit kami. Kami juga melaporkan kekurangan yang signifikan, jika ada, dalam kawalan dalaman berkenaan prosedur perakaunan dan pelaporan kewangan yang telah kami kenal pasti.

Laporan kami kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan termasuk risiko salah nyata material yang paling signifikan berdasarkan pertimbangan profesional kami dalam audit penyata kewangan disatukan bagi tempoh semasa dan oleh itu merupakan kepentingan audit utama yang perlu kami huraikan dalam laporan ini.

Kami juga menyediakan pengisytiharan yang diperuntukkan dalam Perkara 6 Peraturan (EU) No. 537/2014 kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan, mengesahkan kebebasan kami dalam takrif peraturan yang digunakan di Perancis sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam Artikel L. 821-27 hingga L. 821-34 Tatalaku Komersial Perancis (Code de commerce) dan dalam Tatalaku Etika Juruaudit Perancis (Code de déontologie de la profession de commissaire aux comptes).

Sekiranya perlu, kami berbincang dengan Jawatankuasa Penyata Kewangan tentang risiko yang difikirkan secara munasabah, mungkin memberi kesan kepada kebebasan kami dan perlindungan yang berkaitan.

Paris-La Défense, Mac 19, 2026

Juruaudit Berkanun

*Bahasa Perancis asal ditandatangani oleh*

### **DELOITTE & ASSOCIES**

Damien Leurent

Jean-Vincent Coustel

### **ERNST & YOUNG et Autres**

Olivier Drion

---

Nota-nota kepada Akaun ini yang membentuk bahagian penting Penyata Kewangan dan senarai Syarikat-syarikat Subsidiari boleh didapati dalam laporan Tahunan, dengan salinan yang boleh diperoleh melalui permohonan kepada Cawangan Singapura.

BNP Paribas ialah ahli skim jaminan deposit yang ditubuhkan mengikut undang-undang Perancis Arahan Transposisi 2014/49/ EU. Undang-undang Perancis memberikan ranking keutamaan, antara biasa, tidak bercagar dan pemiutang bukan pilihan kepada para pendeposit cawangan bank EU dan EEA bagi deposit dan jumlah yang layak dalam skim jaminan deposit Perancis, sekiranya berlaku pembubaran Bank yang diperintahkan oleh mahkamah. Deposit diadakan yang disimpan di cawangan bank bukan EU (atau bukan EEA) tidak akan mendapat manfaat skim jaminan deposit Perancis dan oleh itu, akan diberikan (setakat jumlah yang dijamin oleh skim itu) keutamaan yang lebih rendah berbanding dengan para pendeposit yang akan menerima manfaat daripada skim ini.